

Pemain biola asal Azerbaijan tertarik suasana seni di Singapura

Oleh SAFHRAS KHAN
safkhan@sph.com.sg

LAWATAN ke Kota Singa lima tahun lalu bukan sahaja membuka mata kepada sebuah bandar kosmopolitan, bahkan beliau turut mendapati Singapura juga sebuah bandar yang memberi peluang kepada perkembangan seni dan muzik.

Cik Sabina Rakcheyeva, pemain biola klasik berasal dari Azerbaijan, malah berbesar hati apabila diundang ke Singapura tahun ini bagi menyertai dua persembahan muzik jenis jaz dan klasik di Night & Day Bar, Selegie Road, baru-baru ini.

Cik Rakcheyeva, 33 tahun, berkata Singapura mampu mekar dengan pertunjukan seni yang dapat menarik penonton dan pemuzik antarabangsa.

"Dengan adanya Esplanade, kini lebih banyak persembahan antarabangsa boleh diadakan di Singapura.

"Ia juga boleh menarik lebih ramai pemuzik dari Eropah agar membuat persembahan di sini," katanya ketika ditemui Rabu lalu.

Jika lima tahun lalu, Cik Rakcheyeva membuat persembahan di Singapura bersama Orkestra UBS Switzerland, kini beliau mengadakan pertunjukan secara kecil-kecilan.

Baginya, cabaran uta-



MENGESEK BIOLA DENGAN PENUH EMOSI: Bagi Cik Sabina Rakcheyeva Singapura mampu mekar dengan pertunjukan seni yang dapat menarik penonton dan pemuzik antarabangsa.

— Foto TUNI SHARIFF

ma yang dihadapi artis klasik sepertinya ialah perubahan industri klasik itu sendiri.

"Kini dengan timbulnya laman web dan syarikat rakaman, ia merupakan satu cabaran untuk mengabadikan industri muzik jenis tersebut.

"Kita harus ingat, industri ini sudah lama dan ia banyak mempunyai sejarah seperti penggubah yang terkenal," ujarnya yang kini sedang mengejar impian menggenggam ijazah peringkat doktor falsafah (PhD) di Universiti London.

Menurut pemuzik tinggi lampai itu, beliau sedang menulis tesis mengenai bagaimana muzik klasik boleh digunakan sebagai diplomasi seni.

Katanya, beliau ingin menggabungkan muzik klasik dengan jenis muzik yang lain seperti jaz.

Persembahan Cik Rakcheyeva menarik perhatian lebih daripada 50 peminat muzik klasik.

Beliau membuat persembahan tersebut dengan tiga orang pemuzik tempatan.

Salah seorang daripada

mereka ialah Encik Riduan Zailani, pemain gendang kumpulan Wicked Aura Battucada.

Menurut Encik Riduan, beliau berasa bangga kerana diberi peluang bermain muzik bersama Cik Rakcheyeva.

"Beliau pendiam orangnya tetapi tahu apa yang harus dipancarkan melalui muziknya.

"Memang susah untuk pemuzik tempatan mendapatkan peluang sebegini. Jadi saya berasa gembira kerana diberi peluang seperti ini," katanya.